

15 DEC 1997

Sidang-Mahathir

BANTUAN IMF HANYA UNTUK PULIHKAN KEYAKINAN PELABUR, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata bantuan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) kepada beberapa negara Asia hanyalah untuk mengembalikan keyakinan pelabur dan bukan bagi mengatasi kerugian besar mereka berpunca daripada krisis kewangan yang melanda rantau ini.

"Adalah jelas bahawa bantuan kewangan IMF tidak boleh menampung kerugian mereka," kata Perdana Menteri pada sidang berita di akhir Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Kedua Asean di sini.

Sambil memberikan contoh, Dr Mahathir berkata Malaysia sendiri telah kerugian AS\$150 bilion disebabkan krisis itu "dan saya boleh bayangkan Indonesia, Thailand dan Filipina rugi lebih banyak lagi."

Ditanya sama ada beliau berpendapat bahawa IMF telah menyediakan bantuan kewangan yang mencukupi kepada negara-negara yang bermasalah di rantau ini, Dr Mahathir berkata pinjaman IMF hanya bertujuan untuk memulihkan keyakinan pelabur.

"Saya tidak tahu bagaimana wang itu dapat diperkembangkan tetapi ia untuk meningkatkan keyakinan pelabur. Ia bukan untuk mengatasi kerugian," katanya.

Beliau berkata sektor swasta tidak mempunyai akses terhadap pinjaman daripada IMF yang komited memberikan bantuan kewangan kepada Thailand, Indonesia dan Korea Selatan.

Dr Mahathir berkata terdapat saranan supaya IMF menimbang semula beberapa cadangannya yang dianggap penting bagi pemulihan semula ekonomi.

Katanya IMF melihat masalah mata wang itu dari sudut ekonomi makro dan bukan daripada kesan langkah-langkah yang dikenakan terhadap negara-negara berkenaan.

"Apabila kita menaikkan cukai, kadar faedah...dan tiada lagi pinjaman, banyak syarikat termasuk syarikat-syarikat maju mungkin akan gulung tikar," katanya.

Dr Mahathir berkata ini akan memburukkan lagi keadaan di negara-negara itu.

Perdana Menteri berkata demikian semasa ditanya sama ada perlu bagi IMF berlembut dalam syarat-syaratnya semasa memberikan pinjaman kepada negara-negara Asia memandangkan masalah sosial mereka.

Dr Mahathir berkata pinjaman yang didapatkan daripada IMF perlu dibayar semula dalam mata wang tempatan dan mungkin mustahil bagi mereka untuk mendapatkan wang sejumlah itu.

Perkara inilah yang perlu dikaji oleh IMF, katanya.

Ditanya sama ada Amerika Syarikat telah menghantar isyarat yang mencukupi untuk membantu negara-negara Asia yang terjejas dengan masalah kewangan itu, Dr Mahathir berkata: "tanggapan yang ada ialah Amerika memberikan bantuan kepada IMF...saya tidak tahu sama ada dalam bentuk kewangan...tetapi dari segi moral (menyokong IMF)."

Katanya sebarang pertolongan daripada Amerika dialu-alukan.

Ditanya sama ada para pemimpin Asean membincangkan pengwujudan tabung berasingan selain IMF untuk membantu negara-negara yang terjejas dengan krisis itu, Perdana Menteri berkata pendapat Malaysia ialah sebarang cadangan sedemikian tidak harus merupakan lanjutan daripada IMF. -- BERNAMA

ES RON